

KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org.my / nutphq@gmail.com Laman Web: http://www.nutp.org.my

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Aminuddin Bin Awang

Setiausaha Agung

Lt. Kol. Bersekutu (PA) Harry Tan Huat Hock, PJK


KENYATAAN AKHBAR

Kepada	: Semua Pengarang Berita : BERNAMA/ Malaysia Kini/ KiniTV/ Sinar Harian Free Malaysia Today/ Kosmo/ Berita Harian/ Utusan Malaysia/ New Straits Times/ The Star/ The Sun/ MOB TV/Malaysia Nanban/ Makkal Osai/ Tamil Nesan/Nanyang Siang Pau/ Sin Chiew Jit Poh/ China Press
Daripada	: Lt. Kol. Bersekutu [PA] Harry Tan Huat Hock, PJK Setiausaha Agung NUTP
No. H/P	: 012-6358065
Tarikh	: 9 Mei 2019

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA [KPM] BERUSAHA KE ARAH MEMBANTU GURU OPSYEN BAHASA INGGERIS MENINGKATKAN TAHAP PENGUASAAN BAHASA INGGERIS

Terima kasih diucapkan kepada pihak KPM kerana memberikan maklum balas yang cepat terhadap rayuan NUTP. Pihak NUTP ingin memetik kepada perenggan pertama kenyataan KPM iaitu "**Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menyatakan bahawa semua guru yang mengajar Bahasa Inggeris perlu berada ditahap Proficient User iaitu tahap minimum C1 berlandaskan Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)**". Ini adalah kehendak murid yang diajar, guru yang mengajar, masyarakat, para pemimpin negara terutama sekali ibu bapa yang mengharapkan kejayaan anak-anak mereka. Kenyataan KPM di perenggan pertama, hanya menyatakan kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris tanpa memberi penjelasan sama ada guru tersebut beropsyen Bahasa Inggeris atau tidak.

...sambungan m/s 2



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org.my / nutphq@gmail.com Laman Web: http://www.nutp.org.my

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Aminuddin Bin Awang

Setiausaha Agung


Lt. Kol. Bersekutu (PA) Harry Tan Huat Hock, PJK

Perenggan keempat pula, memetik kenyataan KPM bahawa "**semua guru opsyen bahasa Inggeris perlu mempunyai pemunyaan terhadap usaha mempertingkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang tinggi untuk meningkatkan standard pendidikan Bahasa Inggeris negara.**". Pihak NUTP amat bersetuju dengan kenyataan ini yang ditujukan khas kepada guru-guru opsyen. Mereka telah mengikuti pelbagai latihan yang diusahakan oleh ELTC, malah telah menduduki **Cambridge Placement Test** dan juga **APTIS-Assess English Skills** yang dikelolakan oleh pihak **British Council** dan kini ELTC pula telah mencadangkan guru opsyen menduduki **Malaysian University English Test (MUET)**. Pihak NUTP amat hairan dengan cadangan ELTC yang asyik mengkehendaki guru-guru opsyen Bahasa Inggeris menduduki peperiksaan sedangkan isu utama di sini adalah mengenai pedagogi dan methodologi. Pihak NUTP bingung kerana ELTC sering mempersoalkan profisiensi rakan sejawat yang merupakan seorang profesional tetapi tidak memfokuskan kepada bidang utama mereka iaitu memberi latihan dan sokongan kepada bidang pendidikan Bahasa Inggeris dengan secukup-cukupnya.

Persoalan NUTP adalah :

- i] Mengapa murid-murid masih gagal menguasai Bahasa Inggeris dengan baik walaupun mereka telah mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua selama 11 tahun?
- ii] Adakah isu ini tertumpu hanya kepada tahap *Proficient User* sahaja atau pun ada sebab-sebab lain yang tidak disentuh langsung oleh pihak ELTC mahu pun ELSQC?
- iii] Adakah murid mempunyai 'environment' penggunaan Bahasa Inggeris? Jika tidak, adakah guru-guru opsyen tidak mewujudkan program ELTC seperti *Highly Immersive Programme [HIP]*?
- iv] Adakah guru-guru opsyen tidak mengendalikan program *English Week, Choral Speaking, debates, drama* atau apa-apa sahaja untuk menarik minat murid-murid?

...sambungan muka surat 3



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.
Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)
Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org.my / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org.my>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Aminuddin Bin Awang

Setiausaha Agung

Lt. Kol. Bersekutu (PA) Harry Tan Huat Hock, PJK


Pihak NUTP berpendapat masalah utama adalah bukan tertumpu pada guru-guru opsyen tetapi kepada masalah yang lebih serius iaitu kekurangan guru Bahasa Inggeris, contohnya di negeri Kelantan terdapat kekurangan melebihi 500 guru opsyen Bahasa Inggeris di sekolah rendah dan lebih daripada 200 guru sekolah menengah. Manakala di daerah Batu Pahat pula, kekurangan adalah dalam anggaran 300 guru opsyen sekolah rendah dan 200 guru di sekolah menengah. **Mengapa pihak ELTC tidak menyentuh mengenai isu ini semasa sesi urus libat bersama NUTP tetapi hanya memikirkan sebab musabab bahawa guru-guru opsyen dan bukan opsyen harus menduduki peperiksaan MUET.**

Oleh itu, pihak NUTP amat tidak bersetuju dengan cadangan ini dan merayu kepada YB Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia untuk campur tangan dan memperbetulkan keadaan yang semakin menekan dan membebankan guru-guru Bahasa Inggeris di negara ini demi mencapai hasrat seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

**LT. KOL BERSEKUTU [PA] HARRY TAN HUAT HOCK, PJK
SETIAUSAHA AGUNG NUTP**



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BERUSAHA KE ARAH MEMBANTU GURU OPSYEN BAHASA INGGERIS MENINGKATKAN TAHP PENGUASAAN BAHASA INGGERIS

Berhubung laporan media yang memetik Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) yang mahu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempertimbangkan semula arahan supaya guru yang mengajar Bahasa Inggeris menduduki peperiksaan Ujian Bahasa Inggeris Universiti Malaysia (MUET). Kementerian ingin menjelaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyatakan bahawa semua guru yang mengajar Bahasa Inggeris perlu berada pada tahap penguasaan Proficient User iaitu tahap minimum C1 berlandaskan Common European Framework of Reference for Languages (CEFR).

English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap (2015-2025) dibangunkan untuk merealisasikan hasrat PPPM (2013-2025) melalui pelan reformasi pendidikan Bahasa Inggeris di Malaysia yang sistemik dan sistematik.

Bagi memenuhi aspirasi PPPM (2013-2025) dan The Roadmap (2015-2025), semua guru opsyen Bahasa Inggeris di bawah KPM perlu menduduki ujian untuk mengetahui tahap penguasaan Bahasa Inggeris mereka. KPM telah menyediakan latihan dan bahan pembelajaran kendiri dalam talian untuk membantu guru opsyen Bahasa Inggeris meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris mereka.

KPM sedang berusaha ke arah mewujudkan guru berautonomi melalui Pembangunan Profesionalisme Berterusan untuk mengukuhkan imej profesionalisme kegunaan supaya berada pada tahap piawaian antarabangsa. Dalam konteks ini, semua guru opsyen Bahasa Inggeris perlu mempunyai pemunyaian terhadap usaha mempertingkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris dan kemahiran pedagogi. Ini penting bagi memastikan mind dididik oleh guru Bahasa Inggeris yang mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang tinggi untuk meningkatkan standard pendidikan Bahasa Inggeris negara.

KPM juga telah mengadakan sesi litar urus dengan NUTP berhubung Pelaksanaan Kursus Profesional Up-Skilling of English Language Teachers (Pro-Elt) dan Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Guru Opsyen Bahasa Inggeris Berlandaskan CEFR. KPM ingin memberi jaminan bahawa Kementerian sentiasa memberi perhatian untuk menangani masalah kekurangan guru Bahasa Inggeris dan pada masa yang sama tidak akan membebankan para guru.